



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

**KENYATAAN MEDIA YB. MENTERI KERJA RAYA:  
RESPON KEPADA PENGUMUMAN PENGUBAHSUAIAN BAJET  
2016 OLEH YAB. PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**28 JANUARI 2016**

---

Pertamanya, saya ingin memanjat kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana di atas kurniaan-Nya jua, negara kita yang dicintai masih kekal aman damai dan utuh berjuang bagi memacu ekonomi negara dalam keadaan kemerwapan ekonomi global ketika ini.

Alhamdulillah, sebentar tadi YAB. Dato' Sri Mohd Najib. Bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah selesai membentangkan pengubahsuaian Bajet 2016. Pengubahsuaian bajet ini amatlah bertepatan jika melihat kepada keadaan ekonomi semasa terutamanya kejatuhan harga minyak yang sedikit sebanyak mengganggu rancangan bajet diumumkan oleh kerajaan tiga bulan lalu. Selain itu, langkah pengubahsuaian ini adalah strategi komprehensif berserta langkah-langkah tambahan untuk mengoptimumkan perbelanjaan negara serta peranan syarikat berkaitan kerajaan untuk bersama-sama mengimbangi ekonomi negara.

Saya dan seluruh warga Kementerian Kerja Raya khasnya dan seluruh perkhidmatan awam amnya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana pengubahsuaian bajet ini tidak melibatkan emolumen kakitangan awam dan tiada usul penamatan perkhidmatan penjawat awam termasuk kakitangan lantikan kontrak sepertimana yang diperkatakan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab di laman sosial sebelum ini.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Justeru, seluruh warga KKR akan terus komited melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan pada masa yang sama memberi tumpuan kepada perbelanjaan berhemat dan mengoptimumkan impak penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi rakyat. Terima kasih sekali lagi apabila Kerajaan meneruskan pelaksanaan satu Kenaikan Gaji Tahunan kepada penjawat awam pada tanggal 1 Julai 2016, sepertimana yang dijanjikan dalam pengumuman bajet yang lepas.

Hatta dalam keadaan ekonomi yang haru biru dan ketidaktentuan harga minyak dunia ketika ini, Alhamdulillah industri pembinaan negara akan terus menjadi antara pemacu utama kepada kelestarian ekonomi negara. Ini terbukti apabila pelaksanaan Projek utama berimpak tinggi seperti MRT dan LRT, Lebuhraya Pan-Borneo, *Malaysian Vision Valley*, *Cyber City Centre*, RAPID Pengerang dan *High-Speed Rail* akan tetap diteruskan bagi menyediakan prasarana terbaik kepada rakyat. Selain itu, kerajaan akan memperkemas sistem pengurusan pekerja asing di mana kadar levi diklusterkan kepada dua kategori (tidak termasuk pembantu rumah asing).

KKR menyambut baik hasrat kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pan Borneo Sabah dan Sarawak yang akan bertindak sebagai '*game changer*' dalam demografi sosial ekonomi di Sabah dan Sarawak. Dengan ini sasaran ke arah menyediakan rangkaian jalan raya yang efisien dalam tempoh 5 hingga 6 tahun akan dapat dilaksanakan.

Terimakasih juga kerana Kerajaan mengekalkan Bajet Pembangunan Kementerian Kerja Raya untuk projek-projek yang telah diluluskan dalam Bajet 2016.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Bertepatan dengan slogan “**Janji Ditepati**” dan *shared responsibility*, secara keseluruhannya pengumuman sebentar tadi adalah berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat dan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak akan terjejas malah akan terus melaksanakan transformasi berterusan dalam sistem penyampaian kerajaan.

**YB. DATO' SRI HJ. FADILLAH YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**28 JANUARI 2016**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my